



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

PENAFIAN BERHUBUNG PENYEBARAN INFOGRAFIK "RANKING KEBERSIHAN NEGERI MALAYSIA 2024"

Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengambil maklum mengenai penyebaran satu infografik bertajuk "Ranking Kebersihan Negeri Malaysia 2024" yang tular di pelbagai platform media sosial dan aplikasi pesanan.

Sehubungan itu, JAS ingin menegaskan bahawa Jabatan tidak pernah mengeluarkan, menerbitkan atau mengesahkan infografik tersebut sebagai penerbitan rasmi Jabatan Alam Sekitar Malaysia. Jabatan juga tidak pernah mengeluarkan sebarang kenyataan media, laporan rasmi atau maklum balas berkaitan dakwaan penarafan atau kedudukan negeri-negeri seperti yang dipaparkan dalam infografik berkenaan.

Oleh itu, orang ramai dinasihatkan supaya tidak menyebarkan atau menjadikan maklumat tersebut sebagai rujukan rasmi tanpa pengesahan daripada Jabatan. Orang ramai dinasihatkan supaya **tidak mempercayai, menyebarkan atau berkongsi** sebarang maklumat yang tidak disahkan kerana tindakan tersebut boleh mengelirukan masyarakat serta mencetuskan salah faham terhadap fakta sebenar.

Sebarang kenyataan media, laporan, statistik, infografik, hebahan dan maklumat rasmi Jabatan Alam Sekitar **hanya akan disiarkan melalui saluran komunikasi rasmi JAS**, iaitu:

- i. **Portal Rasmi Jabatan Alam Sekitar** – www.doe.gov.my;
- ii. **Facebook** – @JabatanAlamSekitar;
- iii. **Instagram** – @jabatanalamsekitar;
- iv. **X** – @jasmalaysia;
- v. **TikTok** – @jas_malaysia_official; dan
- vi. **YouTube** – @JabatanAlamSekitar.

JAS menyeru semua pihak supaya sentiasa menyemak kesahihan sesuatu maklumat melalui saluran rasmi Jabatan sebelum mempercayai atau menyebarkannya. Penyebaran maklumat yang tidak disahkan bukan sahaja boleh mengelirukan masyarakat, malah berpotensi menjejaskan keyakinan awam terhadap maklumat rasmi berkaitan pengurusan dan pemeliharaan alam sekitar.

JAS memandang serius sebarang penyalahgunaan nama, logo, identiti korporat atau penyiaran maklumat yang mengelirukan sehingga boleh menjejaskan reputasi dan kredibiliti Jabatan. Sehubungan itu, JAS tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sewajarnya selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa terhadap mana-mana pihak yang didapati menyalahgunakan identiti Jabatan atau menyebarkan maklumat palsu dengan mengaitkannya dengan Jabatan.

Jabatan Alam Sekitar akan terus komited untuk memastikan setiap maklumat yang disampaikan kepada orang awam adalah tepat, sahih, telus dan berintegriti, selaras dengan tanggungjawab Jabatan sebagai pihak berkuasa yang dipertanggungjawabkan dalam pengurusan dan perlindungan alam sekitar negara.

JABATAN ALAM SEKITAR
7 JULAI 2026



Unit Komunikasi Korporat | Jabatan Alam Sekitar (JAS)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

RANKING KEBERSIHAN NEGERI MALAYSIA 2024



INDEKS KEBERSIHAN PERSEKITARAN NEGERI
(Semakin tinggi markah, semakin bersih)

Sumber:
Indeks Kualiti Alam Sekeliling (IKAS)
Jabatan Alam Sekitar Malaysia, 2024

KEDUDUKAN	NEGERI	INDEKS KEBERSIHAN (0 - 100)	TAHAP KEBERSIHAN
1	PERLIS	82.6	SANGAT BERSIH
2	PAHANG	78.4	BERSIH
3	TERENGGANU	75.3	BERSIH
4	KELANTAN	72.1	SEDERHANA BERSIH
5	SABAH	68.7	SEDERHANA BERSIH
6	SARAWAK	64.5	SEDERHANA
7	PULAU PINANG	60.3	SEDERHANA
8	PERAK	57.8	KURANG BERSIH
9	KUALA LUMPUR	56.2	KURANG BERSIH
10	SELANGOR	49.6	TIDAK BERSIH
11	NEGERI SEMBILAN	46.3	TIDAK BERSIH
12	MELAKA	43.7	TIDAK BERSIH
13	JOHOR	39.1	SANGAT TIDAK BERSIH

TAFSIRAN TAHAP KEBERSIHAN

SANGAT BERSIH	BERSIH	SEDERHANA BERSIH	SEDERHANA	KURANG BERSIH	TIDAK BERSIH	SANGAT TIDAK BERSIH
80 - 100	70 - 79.9	60 - 69.9	50 - 59.9	40 - 49.9	20 - 39.9	0 - 19.9



PENAFIAN

Jabatan Alam Sekitar Malaysia (JAS) ingin menegaskan bahawa infografik ini **PALSU** dan tidak dikeluarkan atau disahkan oleh JAS. Sebarang maklumat rasmi hanya akan diumumkan melalui saluran komunikasi rasmi JAS.



JABATAN
ALAM SEKITAR
MALAYSIA

www.doe.gov.my



Jabatan Alam Sekitar Malaysia



ALAM SEKITAR
TANGGUNGJAWAB
BERSAMA